

# Tanah runtuh: Bangunan sementara dibina

KUALA LUMPUR 14 April – Bangunan sementara akan dibina bagi menempatkan 640 murid Sekolah Rendah Agama Hidayatul Mustakimah, Taman Beringin, Jinjang Utara di sini yang dikhuatiri tidak selamat berikutan kejadian tanah runtuh yang mengakibatkan stor sekolah itu musnah semalam.

Dalam kejadian pada pukul 4.40 petang itu, stor bangunan batu yang menempatkan meja dan kerusi serta alat-alat kegunaan harian sekolah itu ranap sama sekali, memusnahkan semua barangan tersebut.

Ketika kejadian 300 murid dan 12 guru berada di dewan sekolah itu yang terletak kira-kira 40 meter dari bangunan stor itu.

Guru Besar sekolah itu Ustazah Ramizan Mohd. Yusof berkata bangunan sementara itu akan dibina segera di satu kawasan berhampiran padang sekolah itu.

Sementara itu, pihak sekolah memberi cuti kecemasan kepada murid-muridnya bermula hari ini sehingga suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Ramizan berkata cuti itu diberikan atas faktor keselamatan murid-murid kerana ketiga-tiga bangunan di sekolah itu mungkin tidak selamat diduduki.

“Sebagai langkah alternatif, kelas sementara akan dibina di kawasan padang berhampiran sekolah bagi membolehkan murid mengikuti pelajaran seperti biasa,” katanya kepada Bernama hari ini.

Sekolah agama itu mempunyai 540 murid bagi kelas Tahun 1 hingga Tahun 6 dan 100 orang murid pra-sekolah.

Ramizan berkata, pembinaan kelas sementara itu akan dibantu oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi).

Hari ini, katanya, beberapa pihak melawat kawasan tanah runtuh itu. Mereka termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains serta Jabatan Kerja Raya.

Sehingga kini pihaknya belum diberitahu punca kejadian itu kerana siasatan masih dijalankan.